

Wanita UMNO rayu Razaleigh, Musa turut tanding naib presiden

KUALA LUMPUR, Ahad — Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani hari ini merayu kedua calon Timbalan Presiden UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam turut bertanding jawatan naib presiden.

Ini ialah untuk memastikan mereka akan terus berkhidmat dalam UMNO, katanya ketika menyokong cadangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya kedua pemimpin itu turut bertanding jawatan Naib Presiden UMNO.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan kursus sivik di rumah pangsa Sri Sarawak di sini, beliau berkata: "Kedua

lokoh berkenaan mempunyai pengalaman serta kelayakan untuk menjawat jawatan timbalan presiden itu."

Khidmat mereka, katanya masih diperlukan.

Bagaimanapun katanya, terpulanglah kepada kedua pemimpin itu membuat keputusan masing-masing.

Bellau yang juga Menteri Kebajikan Am menegaskan, Pergerakan Wanita UMNO akan menyokong siapa saja yang terpilih dalam perhimpunan agung UMNO Jun depan.

Sementara itu, dalam ucapan perasmiannya beliau menyeru penduduk-penduduk rumah pangsa supaya mempunyai tanggungjawab bersama serta bertimbang rasa antara satu sama lain.